

## ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu perbandingan antara novel-novel Melayu terpilih yang dihasilkan oleh seorang pengarang Malaysia dengan novel-novel yang dihasilkan oleh seorang pengarang yang telah menerima pengiktirafan antarabangsa.

Keseluruhan kajian ini bersandar pada andaian pengkaji bahawa masanya sudah tiba bagi kita meninjau dan menentukan kedudukan novel-novel Melayu di persada antarabangsa. Pengkaji berpendapat bahawa tempoh masa lebih tujuh dekad sejak permulaan tradisi penulisan novel tidak mengizinkan kita untuk memencilkan diri daripada analisis perbandingan kritikal hasil novel kita di peringkat antarabangsa dengan alasan kita masih merupakan pemain baru dalam bidang ini.

Bagi mencapai objektif ini, pengkaji telah mengenal pasti seorang pengarang tempatan dan novel-novel terpilih beliau yang mewakili novel-novel Melayu di negara ini. Hasil karya ini seterusnya dibandingkan dengan hasil seorang penerima Anugerah Nobel untuk Kesusasteraan (1988). Pengarang tempatan yang dipilih ialah Sasterawan Negara Shahnnon Ahmad manakala tokoh antarabangsa yang dipilih ialah Naguib Mahfouz, seorang novelis dari Mesir. Aspek-aspek yang ditinjau dan dibandingkan ialah pemikiran kedua-dua orang pengarang dalam soal golongan tertindas, konflik diri, maruah diri dan pegangan agama.

Terdapat tiga penemuan penting yang dirumuskan oleh pengkaji melalui kajian ini. Pertama, pemikiran Shahnnon Ahmad dalam aspek-aspek yang dikaji menunjukkan persamaan yang ketara dengan pemikiran Naguib Mahfouz. Kedua, hasil-hasil karya Shahnnon menunjukkan mutu yang setanding dengan hasilan Naguib Mahfouz. Pendek kata Shahnnon dapat diletakkan sebagai pengarang yang bertaraf antarabangsa dan setanding dengan seorang pengarang yang telah menerima Anugerah Nobel untuk Kesusasteraan. Rumusan ketiga ialah, sekiranya karya-karya Shahnnon dianggap sebagai kayu ukur untuk penulisan novel Melayu di Malaysia, maka kesusasteraan Melayu moden, khususnya penulisan novel telah mencapai taraf antarabangsa.

## ABSTRACT

This research is a comparative study between the selected Malay novels written by a Malaysian author with those of an internationally recognized writer.

In brief, this entire research is based on the assumption of the researcher that the time is appropriate for us to view at large and determine the standard of Malay novels at the international frontier. The researcher is of the opinion that the period of more than seven decades of Malay novel writings does not justify us shunning away from the critical comparative analysis of our literary works at the international level with the excuse that we are still a novice in this field.

In order to achieve this objective, the researcher has identified a local writer and his selected novels which are representative of the Malay novels in this country. These works in turn are compared with that of a Nobel Prize laureate in Literature (1988). The local writer selected is Shahnnon Ahmad whereas the international figure is Naguib Mahfouz, an Egyptian novelist. The various aspects explored and compared are the writers' thoughts on the exploited community, self conflict, self dignity and religious beliefs.

There are three important findings which were concluded by the researcher through this thesis. The first is that Shahnnon Ahmad's thoughts on the various aspects explored shows striking similiarities with those of Naguib Mahfouz. Secondly, Shahnnon Ahmad's work shows comparable standard with those of Naguib Mahfouz. In short, Shahnnon could be placed as an author of international standing and at the same level with an author who was awarded the Nobel Prize for Literature. Finally, if Shahnnon's work can be considered as the yardstick for the Malay novels in Malaysia, than it is obvious that modern Malay literature, especially in the field of novel writing, has attained an international standard.